

Bil. 18

Rabu

12 Ogos 2020



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Pembuangan Sampah Secara Haram Berleluasa
Khususnya dalam Kawasan Parlimen Tebrau**
- *YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)* (Halaman 1)

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 12 Ogos 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Pembuangan Sampah Secara Haram Berleluasa
Khususnya dalam Kawasan Parlimen Tebrau**

2.34 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat berkenaan isu kawasan pembuangan sampah secara haram di kawasan perumahan, khususnya dalam kawasan Parlimen Tebrau. Contohnya di Mount Austin, JP Perdana, Pelangi Indah, Desa Cemerlang, Ulu Tiram dan Kg. Maju Jaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, SWCorp., JAS dan PBT telah terima aduan dan mereka yang dikenal pasti terlibat akan didakwa bahawa Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara lima tahun atau denda maksimum RM500,000 atau keduanya. Apa yang berlaku ialah bahawa pihak penguat kuasa jabatan atau agensi berkenaan hanya laku setakat keluar kompaun kepada tuan punya tanah dan mereka yang membuang sampah secara haram tidak dapat ditangkap kerana kesalahan itu berlaku biasanya pada waktu malam.

Jadi, selepas satu atau dua minggu kemudian, pembuangan tetap berulang di tempat yang sama atau di tapak yang baru. Pusat khidmat saya telah terima aduan berkenaan isu atas tiap-tiap minggu dan pihak PBT dan SWCorp. pun sudah tahu mana tapak yang biasa digunakan untuk pembuangan secara haram tetapi masalah tersebut masih tidak diselesaikan dengan sempurna.

Persoalan saya ialah:

- (i) bolehkah Kementerian memberi peruntukan kepada agensi berkenaan iaitu SWCorp. untuk memasang CCTV di tempat-tempat yang dikira *red spot* dengan izin?; dan
- (ii) bolehkah bilangan penguat kuasa ditambahkan agar pelaksanaan pengawasan dapat dipertingkatkan?

Semoga permohonan rakyat Tebrau dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tebrau di atas keprihatinan terhadap kepentingan masyarakat khususnya di kawasan Yang Berhormat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pembuangan dan pelonggokan sisa pepejal terkawal di tempat yang tidak dibenarkan boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Sekiranya sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang RM10,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjara tidak kurang enam bulan dan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Merujuk kepada seksyen ini, kesalahan tersebut tidak boleh dikompaun tetapi dakwaan boleh dibuat ke atas pelaku dan pemilik tanah. Walau bagaimanapun, di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kompaun boleh dikenakan atas kesalahan membuang sampah haram.

Berkenaan dengan soalan pertama Yang Berhormat, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di tempat-tempat *red spot*. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dengan kerjasama Polis Diraja Raja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui Program Bandar Selamat telah melaksanakan projek pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan *hotspot* kritikal dalam usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sehingga 1 Ogos 2020, sebanyak 655 unit CCTV telah dipasang di negeri Johor. Manakala di Parlimen Tebrau sahaja sebanyak 10 unit CCTV yang telah dipasang. Perincian adalah seperti berikut:

Pemasangan Oleh:	Bilangan CCTV di Negeri Johor:	Bilangan CCTV di Parlimen Tebrau:	Lokasi CCTV
KPKT	164	5	C24 : Jalan Daya (Perhentian Teksi) C25 : Jalan Daya /Jalan Pinang C26 : Jalan Daya 1 C28 : Kampung Melayu Pandan C30 : Jalan Kota Tinggi/McD
PBT	491	5	C14 : Jalan Kempas Lama/ Lebuhraya Utara Selatan C15 : Jalan Kempas Spur/ Jalan Kempas lama C22 : Persimpangan Jalan Kota Tinggi/ Jalan Ulu Tiram C23 : Persimpangan Bertingkat Jalan Kota Tinggi/Persiaran Desa Tebrau C24 : Jalan Kota Tinggi/ hadapan

Pemasangan Oleh:	Bilangan CCTV di Negeri Johor:	Bilangan CCTV di Parlimen Tebrau:	Lokasi CCTV
			Pasar Borong Pandan
JUMLAH	655	10	

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp.) agensi di bawah KPKT sentiasa komited dalam membanteras kegiatan pembuangan dan pelonggokan sisa pepejal terkawal di tempat yang tidak dibenarkan. SWCorp. sentiasa meningkatkan pengawasan dan operasi di kawasan tersebut.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Julai 2020, sebanyak 47 lokasi sampah haram telah direkodkan di Daerah Johor Bahru termasuk empat lokasi di Parlimen Tebrau. Lokasi-lokasi ini sentiasa dipantau secara berkala dan operasi intipan dilakukan bagi menangkap pelaku yang membuang sisa pepejal secara haram.

SWCorp. juga sentiasa mengadakan libat urus bersama PBT dan penduduk setempat bagi menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pembuangan sampah haram jika berlaku di kawasan mereka. Walau bagaimanapun, pemasangan CCTV di tempat-tempat *red spot* boleh dibuat sekiranya terdapat keperluan mendesak.

Mengenai soalan kedua, penambahan bilangan penguat kuasa bagi meningkatkan pengawasan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, buat masa ini bilangan pegawai penguat kuasa SWCorp. di seluruh Malaysia adalah seramai 580 orang dan di Daerah Johor Bahru sahaja ialah seramai 39 orang. Bilangan tersebut adalah mencukupi bagi melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di negeri Johor.

Bagi kawasan Parlimen Tebrau, sebanyak 23 operasi telah dijalankan sepanjang Jun dan Julai 2020. Berdasarkan operasi tersebut, lima kertas siasatan telah dibuka seperti berikut:

- (i) Kampung Melayu Pandan - satu kes
- (ii) Ulu Tiram - satu kes
- (iii) Mount Austin - satu kes
- (iv) Taman Desa Cemerlang - satu kes

(v) Kampung Sungai Tiram - satu kes

Manakala bagi kawasan Kampung Maju Jaya, satu kes telah didakwa dan dijatuhkan hukuman denda RM15,000 pada 23 Jun 2020.

Secara keseluruhan, 852 operasi sampah haram telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 di tujuh buah negeri yang mengguna pakai Akta 672. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 33 kes telah didakwa dan disabitkan kesalahan dengan jumlah denda sebanyak RM398,000 dan seorang pesalah telah di penjara. Manakala bagi tahun 2020, sehingga Jun 2020, sebanyak 695 operasi telah dijalankan.

Setakat ini bagi kawasan Daerah Johor Bahru sebanyak 16 kes telah didakwa dan disabitkan kesalahan dengan jumlah denda sebanyak RM235,000 dan seorang orang kena tuduh (OKT) telah dipenjarakan selama satu tahun.

Sebarang aduan tentang isu sampah haram ini bolehlah diadukan kepada SWCorp. melalui talian bebas tol 1800-88-7472. Andainya ada kerjasama daripada semua pihak termasuk pengusaha-pengusaha industri dan penduduk tempatan dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan di samping penguatkuasaan yang menyeluruh Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, saya memberi jaminan bahawa dalam tempoh tiga bulan SWCorp. dapat menyelesaikan isu sampah haram di kawasan Parlimen Tebrau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Khamis, 13 Ogos 2020.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.43 petang]